


MENGAPAKAH VAKSIN HPV PENTING?

- Memberi perlindungan daripada jangkitan HPV berisiko tinggi
- Membantu sistem imun tubuh menghasilkan antibodi yang mampu menyerang HPV

TANPA VAKSIN



Individu dijangkiti dengan HPV



Jangkitan HPV yang kronik boleh menyebabkan sel berubah secara tidak normal



Subjenis HPV berisiko rendah boleh menyebabkan ketuat manakala subjenis HPV berisiko tinggi boleh menyebabkan kanser

DENGAN VAKSIN



Vaksinasi HPV melindungi individu daripada jangkitan HPV



Individu tidak dijangkiti HPV subjenis yang tertentu



Kadar kes kanser dan ketuat akibat jangkitan HPV dikurangkan

Apakah yang NCSM lakukan untuk melawan kanser?

MENDIDIK

Pendidikan Kesihatan | Literasi Kesihatan | Promosi Kesihatan | Polisi Kesihatan dan Advokasi | Penyelidikan | Program Internship | Program Sukarelawan | Pemerkasaan Komuniti

MERAWAT

Klinik-Klinik Saringan Kanser dan Kesihatan | Pusat Diagnostik dan Pengimejan Kanser | Pusat Perubatan Nuklear | Program Kesihatan dan Saringan Komuniti | Program Akses Perubatan Pesakit

MENYOKONG

Perkhidmatan Sokongan Psikososial (Psikologi Klinikal, Psikoterapi Kanak-Kanak dan Dewasa, Kaunseling, Dietetik) | Perkhidmatan Maklumat Kanser | Program Navigasi Pesakit | Pusat Sumber dan Kesejahteraan Pemandiri Kanser | Rumah Harapan Kanak-Kanak | Rumah Harapan Dewasa



National Cancer Society Malaysia



nationalcancersocietymy



ncsmalaysia



ncsmalaysia


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

1800 88 1000


✉ hpv@cancer.org.my 🌐 hpv.cancer.org.my




KENALI HPV DAN VAKSIN HPV




APAKAH ITU HUMAN PAPILLOMAVIRUS (HPV)?



- HPV adalah sejenis **virus DNA** yang biasanya dijangkiti melalui hubungan intim serta sentuhan antara kulit di kawasan genital
- Terdapat lebih daripada **200 subjenis HPV**



Jangkitan subjenis **HPV berisiko rendah** boleh menyebabkan ketuat di kulit. (Contoh subjenis HPV berisiko rendah: HPV 6, HPV 11)



Jangkitan subjenis **HPV berisiko tinggi** boleh menyebabkan beberapa jenis kanser. (Contoh subjenis HPV berisiko tinggi: HPV 16, HPV 18)

- Jangkitan HPV berisiko tinggi boleh dielakkan melalui vaksinasi.

LINDUNGI DIRI SENDIRI DAN KELUARGA ANDA MELALUI VAKSIN HPV!

SIAPAKAH YANG PERLU MENDAPAT VAKSIN HPV?



- HPV boleh menjangkiti kedua-dua **golongan perempuan dan lelaki**.
- Kedua-dua golongan perempuan dan lelaki boleh mengambil **vaksin HPV** untuk mencegah penyakit akibat jangkitan HPV.
- Vaksin HPV boleh diberikan kepada individu yang berumur antara **9 hingga 45 tahun**.
- Dapatkan nasihat doktor sama ada anda perlu divaksinasi.

ADAKAH VAKSIN HPV SELAMAT DAN BERKESAN?

Ya, vaksin HPV adalah **selamat** dan **berkesan**. Lebih daripada **270 juta** dos vaksin HPV telah diberikan kepada individu di seluruh dunia.¹

Vaksin HPV dapat **mencegah lebih daripada 90%** kes-kes kanser yang disebabkan oleh jangkitan HPV.²

Kajian menunjukkan impak positif mendapat vaksin HPV. Selepas 9 tahun, kes-kes berikut telah menurun:³



Kadar jangkitan subjenis HPV 16 dan HPV 18 menurun

Dalam kalangan remaja perempuan berumur 13 - 19 tahun



Kadar ketuat anogenital menurun

Dalam kalangan remaja perempuan berumur 15 - 19 tahun



Kadar lesi pada serviks menurun

Dalam kalangan remaja perempuan berumur 15 - 19 tahun

Rujukan: Meites E, Gee J, Unger E, Markowitz L. Human Papillomavirus [Internet]. Centers for Disease Control and Prevention; 2021. Available from: <https://www.cdc.gov/vaccines/pubs/genbook/hpv.html>

Rujukan: National Cancer Institute. Human Papillomavirus (HPV) Vaccines [Internet]. 2021 [cited on 16 Nov 2023]. Available from: <https://www.cancer.gov/about-cancer/causes-prevention/risk/infectious-agents/hpv-vaccines-fact-sheet/hpv-vaccines>

Rujukan: 1. WHO. Safety of HPV vaccines [Internet]. World Health Organisation; 2017. Available from: <https://www.who.int/news-room/fact-sheets/detail/safety-effectiveness-of-human-papillomavirus-vaccines/safety>
2. CDC. CDC: Cancer caused by HPV [Internet]. Centers for Disease Control and Prevention; 2022. Available from: <https://www.cdc.gov/hpv/parents/cancer.html>
3. Orlitzky M, Bernard H, Petros N, Besson M, et al. Risk-benefit impact and herd effects following the introduction of human papillomavirus vaccination programmes: updated systematic review and meta-analysis. The Lancet [Internet]. 2019 Jun;394(10197). Available from: <http://www.thelancet.com/journal/20190610/S0140673619102085>